Razman juga berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak mengambil beberapa pendekatan bagi menampung keperluan daging di negeri itu.

Antara langkahnya kata

beliau memulihkan padang ragut, memberi latihan, secara intensif, membekalkan baka berkualiti tinggi, memberi bimbingan kepada penterhak tradisional dan pemantauan berterusan.

- [Stratcom]

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/9/2021	THE SUN	NEWS	5



Muhammad Naim checking a cat at his clinic in Putrajaya.
—BERNAMAPIX

Veterinarian sets up food bank to help cat owners

PUTRAJAYA: Believing in being good to all God's creations, owner of Kitty's Care Veterinary and Surgical Clinic Dr Muhammad Naim Md Kasim took upon himself to set up Kitty's FoodBank to help other cat lovers affected by the Covid-19 pandemic.

He said the Covid-19 pandemic, which hit the country last year, has also affected animal shelter operators, with some in dire straits having lost their income.

Answering to their plight, he set up Kitty's FoodBank, where those in need of food for their feline can just "walk-in" at any of the three Kitty's Care Veterinary and Surgical Clinic at Taman Tun Dr Ismail, Kajang and Putrajaya, between 10.30am and 5.30pm for supplies. The food bank was opened last July 7.

"We have distributed cat food to almost 1,000 recipients comprising cat owners, animal shelter operators and stray cat feeders," he said.

According to Muhammad Naim, 30, he had spent RM10,000 for the cause and attributed the success of Kitty's FoodBank to the help and support of his staff as well as animal lovers and celebrities, who contributed funds to the purpose.

"I am touched by their generosity that has enabled us to provide premium cat food to ensure the felines get complete source of nutrition."

He said there were also cat food manufacturers who supplied cat food on a monthly basis to recipients.

Muhammad Naim, a veterinary graduate

from Universiti Putra Malaysia, said he used social media to share information on Kitty's FoodBank.

Meanwhile, Tuah Cat House owner Roslina Shari, 46, who set up a cat shelter in 2008 and now has more than 100 stray cats in her care, described Kitty's Foodbank initiative as a saviour of stray cats as it enabled animal shelter operators to continue their operations.

"Before Covid-19, we received a lot of contributions from various individuals and non-governmental organisations but now it is getting less," she said.

Besides ensuring food for stray cats, Roslina also brings those that are injured and infected with sporotrichosis to the animal clinic for treatment. — Bernama

6/9/2021

HARIAN
METRO

COVID-19

7

MAKANAN kucing yang disediakan bank makanan dikenali sebagai Kitty's FoodBank oleh Dr Muhammad Naim.



Putrajaya: Berpegang kepada prinsip 'berbakti kepada semua makhluk ciptaan Tuhan', pemilik Klinik Haiwan dan Surgeri Kitty's Care Dr Muhammad Naim Md Kasim terpenggil untuk mewujudkan inisiatif bank makanan Kitty's FoodBank untuk penjaga atau pemilik kucing yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

Dr Muhammad Naim berkata, pandemik Covid-19 yang melanda negara sejak dua tahun lepas turut memberi kesan kepada pengusaha pusat perlindungan haiwan memandangkan ada antara mereka yang hilang pendapatan dan kekurangan dana sumbangan orang ramai.

Bermula 7 Julai lalu, mereka yang memerlukan boleh pergi ke mana-mana tiga cawangan Klinik Haiwan dan Surgeri Kitty's Care yang terletak di Taman Tun Dr Ismail, Kajang dan Putrajaya dari 10.30 pagi hingga 5.30 petang untuk mengambil sumbangan bank makanan Kitty's FoodBank itu.

"Kami sudah agihkan makanan kucing kepada hampir 1,000 penerima terdiri daripada pemilik kucing, pengusaha pusat perlindungan haiwan dan pem-

'FoodBank' untuk si comel

beri makanan kepada kucing jalanan," katanya yang turut membelanjakan kira-kira RM10,000 bagi menyalurkan inisiatif itu.

Dr Muhammad Naim berkata, inisiatif berkenaan juga tidak akan berjaya tanpa bantuan dan sokongan 30 kakitangan kliniknya selain pencinta haiwan serta selebriti yang menyalurkan sumbangan dan memesan makanan haiwan secara dalam talian yang dihantar terus ke cawangan klinik haiwannya.

"Saya amat terharu dengan peruntukan yang diterima setakat ini. Bantuan ini membolehkan pihak kami menyediakan mak-

nan kucing premium bagi memastikan kucing-kucing yang dibantu mendapat sumber nutrisi yang lengkap," katanya.

Dr Muhammad Naim berkata, terdapat juga pengeluaran produk makanan kucing yang menaja bekalan makanan setiap bulan untuk diagihkan kepada penerima.

Lulusan Ijazah Doktor Perubatan Veterinar dari Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2014 itu berkata, media sosial menjadi medium utama perkongsian maklumat dan maklumat mengenai inisiatif Kitty's FoodBank itu.

"Pengguna media sosial diharap dapat membantu menguar-uarkan mengenai Kitty's FoodBank kerana saya ingin bantu semua pencinta kucing agar nasib haiwan ini yang tidak bertuan terbelah," katanya yang turut

menawarkan harga istimewa kepada individu yang membawa kucing jalanan yang cedera menerima rawatan di kliniknya.

"Kami akan membantu kucing jalanan mendapatkan rawatan sebagaimana kucing-kucing lain. Harga yang dikenakan adalah berbeza kerana kami dapat kenal pasti kucing tersebut adalah kucing jalanan berdasarkan kepada keadaan haiwan itu," kata veterinar berusia 30 tahun itu.

Sementara itu, pemilik Tuah Cat House, Roslina Shari, 46, menyifatkan Kitty's FoodBank sebagai inisiatif penyelamat kucing jalanan yang bukan sahaja kekurangan bekalan makanan, malah dapat meneruskan operasi pusat jagaan kucing.

"Saya mula buka pusat perlindungan kucing pada 2008 yang sehingga kini mempunyai beratus kucing yang diselamatkan dari jalanan. Kalau sebelum Covid-19, memang banyak terima sumbangan daripada pelbagai individu dan badan bukan kerajaan (NGO) namun sekarang agak kurang," katanya.

Selain memastikan haiwan peliharaannya mendapat bekalan makanan mencukupi, Roslina juga membawa kucing yang cedera dan dijangkiti Sporo ke klinik haiwan untuk mendapatkan rawatan daripada veterinar bagi memulihkan haiwan tersebut dan kembali sihat.

Menurutnya, terdapat 12 ekor kucing jagaannya yang kini menerima rawatan jangka panjang Sporo dan 89 ekor lagi mempunyai penyakit lain.



Dr Muhammad Naim berpegang kepada prinsip 'berbakti kepada semua makhluk ciptaan Tuhan'.

"Kami sudah agihkan makanan kucing kepada hampir 1,000 penerima"
Dr Muhammad Naim

Help for cat lovers facing income woes

Kitty's Food Bank giving away pet food

PUTRAJAYA: Believing in doing good for all God's creations, veterinarian Dr Muhammad Naim Md Kasim took it upon himself to set up Kitty's Food Bank to help other cat lovers affected by Covid-19.

He said the pandemic that hit the country since last year also affected animal shelter operators with some of them in dire straits due to loss of income.

Answering their plight, he said those in need of food for their felines could just walk into at any of the three Kitty's Care Veterinary and Surgical Clinic between

10.30am and 5.30pm. The clinics are located in Taman Tun Dr Ismail, Cheras and Putrajaya. The food bank was opened on July 7.

"We have distributed cat food to almost 1,000 recipients, comprising cat owners, animal shelter operators and stray cat feeders," he said.

Dr Muhammad Naim, 30, said he spent RM10,000 for the cause and attributed the success of the food bank to the help and support of his staff, as well as animal lovers and celebrities, who contributed funds for the purpose.

"I am touched by their generosity which has enabled us to provide premium cat food to feed the felines," he said, adding that there were also cat food manufacturers who provided supplies on a monthly basis to the recipients.

Dr Muhammad Naim said he used social media to share information on the food bank.

"We want to spread the initiative and reach out to more cat lovers in need of assistance, including those looking after stray cats," he said.

He is also offering special rates to those who bring injured stray cats



Helping hands: Dr Muhammad Naim (right) and a colleague arranging donated pet food at Kitty's Foodbank. — Bernama

for treatment at his clinic.

Tuah Cat House owner Roslina Shari, 46, who set up a cat shelter in 2008 and now has more than 100 stray cats under her care, described the initiative as a blessing for stray cats as it enabled animal shelter

operators to continue with their operations.

"Before Covid-19, we received a lot of contributions from various individuals and non-governmental organisations but now, they have declined," she said. — Bernama

Felda settlers transform drug haunt into fish farm

KUALA BERANG: Hit hard by the pandemic, a group of 15 second-generation Felda settlers of Bukit Bading here has transformed a former haunt for drug addicts into a freshwater fish farm.

They started the project in March last year after getting together and raising capital for it.

Azhari Ismail, the project leader, said the idea came from the first-

generation Felda settlers but it was not realised because of certain constraints.

His group, however, were determined to make it work as a source of supplemental income despite none of them having any training or experience in freshwater fish farming.

"Most of us are self-employed and the Covid-19 pandemic has affected

our main source of income," Azhar said.

He thanked Hulu Terengganu MP Datuk Rosol Wahid and Ajil assemblyman Mahaman Kassim for providing them with the financial assistance for the project.

Azhari was met by reporters after a visit by Rosol to the farm, where he released 9,000 tilapia and patin fish fry into the pond on Saturday.

He said they had so far spent RM12,000 to build nine fish cages and aimed to build 20 cages more in stages.

He hoped the project would generate a lucrative income for them with the first harvest next February.

A participant, Khairi Muhammad, 41, a self-employed electrician, said he joined the project to diversify his source of income.

"We are lucky to have received guidance from the Fisheries Department on the proper techniques of handling a fish farm, like in the aspect of water quality," he said.

As for Ramli Ngah, 55, he hoped the fish farming project would inspire other second-generation Felda settlers to venture into other economic activities to upgrade their socio-economic status. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/9/2021	HARIAN METRO	LOKAL	10

141 lesen sampan khas untuk nelayan

Masjid Tanah: Jabatan Perikanan Melaka mengeluarkan 141 Lesen Sampan Khas kepada nelayan tahun ini berbanding hanya 30 lesen pada tahun lalu berikutan rayuan diterima daripada nelayan tidak berlesen.

Sebelum ini nelayan tidak berlesen bimbang ditahan pegawai penguat kuasa jabatan itu setiap kali turun

ke laut menyebabkan mereka memohon lesen sah.

Ketua Pengarahnya, Ahmad Tarmidzi Ramli menjelaskan, lesen itu dikeluarkan selepas jabatan berkenaan menjalankan kajian mengenai jumlah nelayan dan sumber perikanan sedia ada dan jangkaan pada masa hadapan.

“Untuk daerah Alor Gajah dan Masjid Tanah sahaja,

sebanyak 34 lesen diberikan bagi membolehkan mereka beroperasi secara sah,” katanya selepas majlis penyerahan lesen berkenaan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Datuk Seri Ahmad Hamzah di pejabat Persatuan Nelayan Kawasan Melaka Barat (PNKMB) di Kuala Sungai Baru di sini, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/9/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG/ SELANGOR/KL	31

Kesalahan boleh dikompaun atau didakwa di mahkamah

Oleh ROSILAWATI ROSEDI

MARAN

Jangan guna kaedah dilarang untuk tangkap ikan

Jabatan Perikanan Negeri Pahang meminta orang ramai khususnya nelayan darat (sungai) di negeri ini supaya memanfaatkan kekayaan sumber perikanan secara bertanggungjawab dengan mengelakkan kaedah yang merosakkan sumber dan habitat seperti racun tuba.

Pengarah Perikanan negeri, Abdullah Jaafar memberitahu, selain racun tuba, penggunaan bahan letupan dan elektrik yang menyebabkan pencemaran sungai juga antara kaedah yang dilakukan oleh mereka tidak bertanggungjawab.

Menurut beliau, penggunaan kaedah-kaedah tersebut adalah satu kesalahan di bawah Kaedah-Kaedah Perikanan (Perairan Sungai) 1991 yang boleh dikompaun atau didakwa di

mahkamah. "Sejak 2007, sebanyak 86 kes tangkapan telah dibuat oleh Jabatan Perikanan negeri berhubung aktiviti kesalahan di bawah undang-undang perikanan Sungai Pahang.

"Namun pada masa sekarang, penguatkuasaan undang-undang tersebut telah dibuat oleh pasukan penguat kuasa bersepadu negeri," katanya kepada *Sinar Harian* pada Sabtu.

Beliau berkata sedemikian sempena program pelepasan umum 9,000 benih ikan lampam sungai di Taman Eko Rimba Lubuk Yu, Maran.

Turut berlangung, penyerahan benih ikan tilapia kepada lima penternak dengan 1,000 ekor setiap seorang.

Hadir sama, Exco Jawatankuasa Perpaduan,



Abdullah (tiga, kiri), Shahaniza (tengah) dan Shahruddin (empat, kanan) bersama 9,000 benih ikan lampam sungai sebelum dilepaskan di Taman Eko Rimba Lubuk Yu, Maran pada Sabtu.

Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri, Datuk Seri Shahaniza Shamsuddin dan Pegawai Daerah Maran, Sharuddin Jali.

Ujar Abdullah lagi, setakat ini terdapat 390 nelayan darat

RM1 juta setahun daripada pendaratan ikan sungai.

"Pendaratan perikanan darat (sungai) di negeri ini merupakan yang kedua terbesar di Malaysia dengan jumlah 786 tan metrik yang bernilai RM11.5 juta bagi tahun lalu," jelas

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/9/2021	SINAR HARIAN	ISU NYAH WARTA HUTAN SIMPAN	36

Gesa PKPS dikenakan tindakan perundangan

SHAH ALAM - Gabungan Perlindungan Hutan Selangor (CPSF) menggesa agar tindakan undang-undang diambil terhadap Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) berikutan melakukan pembersihan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) tanpa mendapat kelulusan sewajarnya.

Menerusi satu kenyataan, CPSF berkata, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam sebaran media pada 15 April lalu turut mengesahkan PKPS tidak menyerahkan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) bagi pelaksanaan Projek Selangor Smart Agro-Park (SSAP) di hutan berkenaan.

Katanya, walaupun arahan henti kerja dikeluarkan JAS pada 8 April lalu, PKPS masih dikesan meneruskan pembersihan HSKLU sehingga Mei lalu berdasarkan analisis menerusi satelit oleh CPSF.

"CPSF juga percaya ini adalah kali kedua HSKLU dimusnahkan oleh PKPS kerana pada tahun 2014 lalu, tindakan sama pernah dilakukan di kawasan seluas 50 hektar di sana bagi perancangan pembangunan kawasan perladangan kelapa sawit.


"Berikutan itu, CPSF menggesa tindakan undang-undang ke atas PKPS kerana melakukan pembersihan HSKLU tanpa menyerahkan EIA kepada JAS," kata kenyataan itu pada Ahad.

Menerusi kenyataan sama, CPSF turut menggesa kerajaan negeri agar membatalkan segera penyahwartaan HSKLU dan mengembalikannya kepada ukuran asal.

"Kerajaan negeri juga telah memberi maklumat palsu apabila mengatakan tiada pokok tinggi di lokasi yang terlibat dengan penyahwartaan tersebut," katanya.

Tambah kenyataan itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari perlu mengadakan lawatan ke lokasi terlibat bersama-sama CPSF dan orang asli setempat bagi melihat lebih dekat keadaan lokasi terlibat.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau serta Hal Ehwal Orang Asal Selangor, Hee Loy Sian sewaktu sesi penggulangan pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) sebelum ini telah memberitahu Dewan bahawa kerajaan negeri memutuskan untuk meneruskan penyahwartaan HSKLU memabatkan kawasan seluas 536.7 hektar selepas mendapat bantahan komuniti.



Peta lokasi HSKLU.

6/9/2021

SINAR

WARNA-WARNI

15

HARIAN

KEHIDUPAN

Tanam anggur selepas bisnes kedai makan terjejas

Percubaan suami isteri terlibat dalam bidang itu tanpa sebarang pengetahuan khusus membuahkan hasil.

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI

PORT DICKSON

Tidak mahu terus menengang nasib apabila perniagaan terjejas akibat pandemik Covid-19, peniaga kedai makan di Kampung Baru Si Rusa di sini nekad beralih kepada bidang tanaman anggur sejak setahun lalu.

Meskipun tanpa sebarang pengetahuan khusus dalam bidang terbit, namun pasangan suami isteri, Ismail Mohd, 45, dan Suhaili Ahmad, 44, bersyukur apabila percubaan mereka tidak sia-sia.

Kesedihan dek kerana perniagaan yang diusahakan sejak lebih 10 tahun lalu itu terpaksa ditutup kini sedikit terubat apabila melihat pokok anggurnya sudah mengeluarkan hasil.

"Apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada tahun 2019, bisnes saya betul-betul jatuh sehingga kami nekad menjual barang-barang perniagaan.

"Dalam tempoh itulah suami yang sememangnya berminat dalam bidang pertanian mula mempelajari cara menanam ang-

gur di YouTube dan kami beli anak pokok anggur pertama di Melaka," kata Suhaili kepada Sinar Harian baru-baru ini.

Menurut Suhaili, beliau bermula dengan tiga jenis anak pokok anggur dan kini sudah mempunyai 80 pokok iaitu 21 jenis anggur yang ditanam di hadapan rumahnya.

Jelasnya, penajaan pokok anggur tidak susah, tetapi ia memerlukan sumber pencayahan mencukupi selain sangat sensitif dengan hujan.

"Ramai beranggapan tanaman anggur hanya boleh hidup di tanah tinggi (cuaca sejuk) seperti Cameron Highlands, tapi berdasarkan eksperimen saya, anggur lebih segar apabila mendapat sumber matahari yang mencukupi dan apabila hujan, ia akan cepat rosak.

"Sebab itulah apabila saya bertanah saya nak tanam anggur,

ada yang cakap saya dan suami gila," katanya.

Ujarnya, bagi mengelakkan pokok anggur rosak apabila hujan lebat, bumbung penahan haba dipasang.

Menurutnya, daripada 21 jenis anggur yang ditanam, terdapat tujuh jenis yang sudah berbuah iaitu IAC, Jupiter, Isabella, Vales, Dakon, Alfonso dan Red Globe. Malah, beliau juga menjual buah pokok anggur dengan harga RM150 hingga RM250 mengikut jenis dan saiz pokok.

"Kami yakin tanaman anggur boleh pergi jauh dan berharap kebun anggur kami ini boleh menjadi antara lokasi tarikan pelancong ke Port Dickson suatu hari nanti.

"Usha kami juga mendapat perhatian Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Phang yang menyumbangkan bumbung penahan haba," katanya.



Suhaili dan Ismail berdiri di kebun anggurnya di Kampung Baru Si Rusa, Port Dickson.



Suhaili dan Ismail menunggu masa untuk buah anggurnya dipetik.



Antara anak pokok anggur yang dijual.



Suhaili menunjukkan buah anggur yang ditanam di rumahnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/9/2021	KOSMO	MUKA DEPAN	1

Krisis beras Siam di Kelantan

Beras dari negara jiran jadi rebutan peniaga runcit dan kedai makan

KEKURANGAN bekalan beras Siam di Kelantan tidak hanya menjejaskan rezeki para peniaga runcit, malah turut memberi kesan kepada pengusaha kedai makan dan restoran di negeri ini yang banyak bergantung kepada bahan utama itu dalam penyediaan makanan.

Bekalan beras Siam yang biasa digunakan untuk juadah nasi berlauk dan kerabu kerana teksturnya yang lembut mula berkurangan sejak tahun lalu ekoran kawalan ketat di sempadan Malaysia-Thailand susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Sebelum ini, saya mampu memperoleh 250 kilogram (kg) bekalan beras Siam dalam sebulan, tetapi kini, mahu dapatkan 50kg pun susah. Harganya juga naik daripada RM80 kepada RM88 bagi beras 20kg," kata peniaga di Kota Bharu, Zainuddin Ibrahim.

• LAPORAN PENUH DI MUKA 2

Kekurangan bekalan jejas pendapatan peniaga kedai makan, nasi berlauk di Kelantan 'Pelanggan hanya mahu beras Siam'

Oleh ROSALWANI CHE SOH
dan ROHANA MOHD. NAWI

KOTA BEHARU – Peniaga runcit dan kedai makan di negeri ini kini dihipit kebimbangan apabila bekalan beras Siam yang menjadi antara sumber pendapatan utama mereka semakin berkurangan ekoran penutupan sempadan negara susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak tahun lalu.

Bagi pengusaha kedai makan, kekurangan bekalan beras Siam menyebabkan mereka terpaksa menanggung sedikit kerugian ekoran tidak mampu menyediakan hidangan mengikut cita rasa pelanggan tempatan.

Ini kerana, kebanyakan peniaga nasi berlauk memerlukan bahan mentah itu untuk melengkapkan hidangan mereka kepada pelanggan setiap hari.

Seorang peniaga, Wan Syahirah Wan Ramazan, 28, berkata, dia yang mengusahakan Gerai Nasi Berlauk Che Da dekat Cabang Tiga, Pengkalan Chepa di sini sejak 10 tahun lalu menggunakan beras Siam sebagai bahan utama untuk jualan nasi berlauk dan nasi kerabu.

"Memang kami mengekalkan resepi nasi berlauk dan nasi kerabu menggunakan beras Siam. Tekstur nasi daripada beras Siam menjadi lebih lembut dan berderai yang sesuai untuk hidangan nasi berlauk serta nasi kerabu.

"Pelanggan akan tahu seki-



PEKERJA Nasi Air Dingin ZNB membungkus makanan yang menggunakan beras Siam di kedainya di Kota Kubang Labu, Tumpat baru-baru ini. – ZULHANIFA SIDEK

ranya peniaga nasi berlauk menggunakan beras tempatan. Masyarakat di Kelantan sememangnya menggunakan beras Siam dalam makanan mereka. Jika kami tidak menggunakan beras Siam, mungkin pelanggan tidak akan datang ke gerai," katanya ketika ditemui Kosmo! baru-baru ini.

Menurut Wan Syahirah, bapanya, Wan Ramazan Wan Abd. Rahman, 54, akan membeli bekalan sebanyak 3,000 kilogram (kg)

beras Siam setiap bulan daripada pembekal untuk perniagaan nasi berlauk di gerai mereka.

Katanya, daripada bekalan itu, sebanyak 100kg nasi ditanak di gerainya setiap hari untuk dihidangkan bersama lebih 30 jenis lauk-pauk.

Bagi Hamidah Yunus, 56, pula, dia yang turut berniaga makanan telah menggunakan beras Siam dalam perniagaannya sejak 30 tahun lalu.

"Kebiasaannya, saya akan

menggunakan 100kg beras Siam cap Serindit dan Angsa Mas yang dibeli daripada peraih di Rantau Panjang yang datang menghantar ke gerai saya dalam sebulan.

"Dalam tempoh seminggu, saya akan tanak sebanyak 25kg beras Siam untuk jualan nasi berlauk. Jika bekalan beras habis, saya akan tutup kedai. Saya hanya akan buka gerai jika stok baharu sampai," katanya.

Dalam pada itu, seorang peniaga runcit, Zainuddin Ibrahim, 50,

mengakui penguatkuasaan ketat di sempadan Malaysia-Thailand menjadi punca utama peniaga beras Siam di Kelantan sukar untuk mendapatkan bekalan.

"Sebelum ini, saya mampu memperoleh 250kg bekalan beras Siam pelbagai jenama untuk dijual di premis dalam tempoh sebulan. Kini, mahu dapatkan 50kg beras pun sukar dan sekiranya ada, saya perlu berebut dengan peniaga lain.

"Permintaan beras Siam amat tinggi di Kelantan. Letak sahaja stok beras di premis, pasti akan ada pelanggan yang datang membeli. Kini, saya terpaksa menghadkan jualan kerana stok sangat terhad," katanya.

Menurut Zainuddin, keadaan itu menyebabkan dia terpaksa menaikkan sedikit harga beras Siam yang dijual di premisnya.

"Kenaikkan harga biasanya antara RM4 hingga RM5 mengikut grad. Contohnya, harga beras Siam bagi 20kg sebelum ini adalah RM80, tetapi kini dijual sekitar RM85," jelasnya.

Peniaga di Pasar Siti Khadijah yang mahu dikenali sebagai Husin, 50, berkata, meskipun ramai peniaga menjual beras Siam di pasar itu, kebanyakan mereka perlu berlumba untuk mendapatkan bekalan beras.

"Permintaan beras Siam amat tinggi di pasar ini. Kami menjual beras ini secara terbuka kerana semua peniaga mempunyai pelanggan tetap," katanya.

PGA rampas 16 tan beras Siam dalam tempoh lima bulan



SEBUAH gerai menjual makanan dan minuman di Wakaf Bharu, Tumpat yang turut menjual beras Siam.

Oleh YATIMIN ABDULLAH

RANTAU PANJANG – Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 berjaya merampas kira-kira 16 tan beras Siam yang diseludup ke negara ini dari Thailand dalam tempoh lima bulan.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7, Superintendan Azhari Nusi berkata, kesemua beras Siam itu dirampas menerusi Ops Benteng Covid-19 di kawasan operasi sejauh 41.8 kilometer bermula dari Pengkalan Kubor, Tumpat sehingga ke Rantau Panjang.

Katanya, beras-beras itu dibawa masuk melalui Sungai Golok dengan pangkalan haram

di pinggir sungai tersebut dijadikan sebagai transit.

Beras diseludup itu kemudian akan diambil oleh sindiket sebelum dibawa ke lokasi tertentu.

"Sepanjang tempoh tugas, sebanyak 898 kilogram (kg) beras pulut dan 100kg beras perang dari negara jiran yang diseludup turut dirampas.

"Nilai keseluruhan rampasan beras termasuk 17 buah kenderaan yang digunakan untuk aktiviti penyeludupan dianggarkan bernilai RM397,364," katanya ketika dihubungi Kosmo! baru-baru ini.

Menurut Azhari, seramai lapan lelaki dan seorang wanita yang terlibat membawa beras

seludup itu turut ditahan PGA sepanjang penugasan mengawal sempadan Malaysia-Thailand di negeri ini.

Ujarnya, PGA tidak akan berkompromi dengan individu atau kumpulan yang terlibat dalam aktiviti jenayah rentas sempadan.

"Kita turut membawa skuad elit iaitu Tiger Platoon untuk memperkemarkan lagi kawalan sempadan termasuk menerusi rondaan jalan kaki.

"PGA tidak akan berganjak dan sentiasa bersedia untuk berdepan sebarang ancaman bagi memastikan keselamatan negara berada pada tahap terbaik," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/9/2021	KOSMO	K2	19



Menyelami
Hidup Anda

K2

ISNIN 06.09.2021

Kosmo!

**Sinergi
tanaman
akuaponik**

SISTEM akuaponik bagi menyerlahkan keharmonian simbiosis di antara haiwan dan tumbuhan apabila tanaman-tanaman dihasilkan daripada bekalan air dari tangki takungan ternakan ikan yang mengandungi nutrien najis ikan terurai.



ABDUL SALAM menunjukkan pokok sawi batang putih yang ditanamnya menggunakan sistem akuaponik di rumahnya di Klang, Selangor. - AFIQ RAZALI



Rencana Utama

Oleh
FARID AHMAD
TARMUJI

Menuai hasil tanaman daripada ternakan ikan

SETIAP pagi menjadi rutin harian Abdul Salam Khamsah, 43, untuk melihat ikan tilapia merah peliharaannya di dalam sebuah tangki air yang terletak di bahagian garaj rumahnya.

Dia berbuat demikian bagi melihat gelagat ikan tersebut yang turut menjadi 'petanda' berkaitan tanaman yang diusahakannya.

"Jika ikan bermain di atas permukaan air dan mencungap itu maknanya kualiti air kurang cantik.

"Bagi mengatasi masalah tersebut, saya ada tiga cara untuk mengatasinya sama ada menukar air, memasukkan daun ketapang atau menggunakan cecair Mikroorganisma Berkesan (EM) di dalam air tersebut," katanya kepada K2.

Jelasnya, kebiasaannya dia akan menggunakan cecair EM bagi mengatasi masalah tersebut kerana lebih mudah.

Abdul Salam yang menetap di Klang, Selangor menerangkan, menjaga kualiti air itu penting bukan sekadar untuk ikan yang dipeliharanya tetapi untuk tanaman-tanaman yang ditanamnya menggunakan sistem akuaponik.

Dia merupakan seorang pengusaha pertanian berkonsepkan akuaponik. Sistem akuaponik adalah gabungan akuakultur iaitu penternakan ikan atau organisma akuatik lain bersama hidroponik iaitu kaedah bercucuk tanam dengan meletakkan tumbuhan pada air bernutrien tanpa menggunakan tanah sekali gus mampu menuai hasil tanaman dan ikan dalam jangka masa singkat.

"Akuaponik berfungsi dengan cara air dari tangki ternakan ikan ini akan



MENERUSI kaedah akuaponik, Abdul Salam dapat bercucuk tanam dan pada masa sama memelihara ikan.

mengalir ke ruangan tanaman di unit hidroponik.

"Sisa kumbahan daripada ikan akan diuralkan oleh bakteria kepada beberapa komponen nutrisi yang mana akan digunakan oleh tumbuh-tumbuhan untuk membesar," terang Abdul Salam.

Dalam pada itu, kualiti air amat penting dalam akuaponik dan ia merupakan medium mengandungi nutrisi untuk dibekalkan kepada tanaman.

Bagi tujuan tersebut, sistem solid lifting outlet (SLO) digunakan untuk mengasingkan najis ikan di dasar dan

yang terapung di permukaan air atau apa-apa unsur lain dalam tangki ikan tersebut.

Kotoran itu akan disedut melalui SLO dan kemudiannya disalurkan secara graviti ke penapis pepejal. Penapis pepejal kebiasaan digunakan di dalam sistem akuaponik untuk menapis sisa najis ikan berbentuk pepejal.

Seterusnya kotoran itu akan mengalir ke biopenapis dilengkapi K1 biomedial yang berfungsi untuk membenarkan bakteria menguralkan najis-najis ikan secara semula jadi.

Secara biologi, sistem ini memberi

ruang kepada mikroorganisma dan bakteria untuk membiak dan membentuk komponen nutrisi yang diperlukan oleh tumbuhan.

Nutrisi itu yang bercampur dengan air kemudian akan dialirkan ke ruangan tanaman sebelum dialirkan semula ke tangki ternakan ikan.

Sementara itu, Abdul Salam menjelaskan, untuk akuaponik, dia mengguna pakai dua kaedah penanaman iaitu nutrient film technique (NFT) dan teknik gutter.

Menurutnya, bagi kaedah NFT, dia akan meletakkan kepingan span kecil di dalam bekas khas bagi memegang batang dan akar sayuran.

"Air akan disalurkan melalui tiub dan mengalir 24 jam, maka secara tidak langsung kadar tumbesaran tumbuhan akan menjadi lebih cepat.

"Kelebihan kaedah ini adalah ia ringan dan boleh dibuat juga secara menegak," katanya.

Tambahnya, untuk kaedah NFT tumbuhan yang sesuai adalah tanaman berdaun seperti sawi, bayam, kailan dan lain-lain lagi.

Tempoh untuk menuai hasil juga agak cepat dan dalam masa tiga minggu tanaman melalui kaedah itu sudah boleh dituai.

Bagi teknik gutter pulak, ia berfungsi memberi nutrisi kepada tumbuhan dengan cara memenuhkan takungan dan mengalirkan air keluar dari takungan dalam tempoh masa tertentu.

"Melalui kaedah ini ia memerlukan penggunaan medium yang kasar seperti batu kerikil, hydroton atau perlite yang diletakkan di dalam pasu khas yang berfungsi menyerap nutrisi untuk

INFO

Akuaponik

- Gabungan akuakultur dan hidroponik
- Berfungsi dengan cara air dari tangki temakan ikan dialirkan ke ruangan tanaman di unit hidroponik
- Tumbuhan hanya memerlukan tempoh tiga minggu untuk dituai

diberikan kepada tumbuhan yang ditanam.

"Dalam masa sama alat yang dikenali sebagai siphon automatik akan digunakan untuk mengeringkan air daripada takungan bila diperlukan," terangnya.

Abdul Salam menambah, untuk kaedah ini, tanaman yang sesuai adalah jenis berbuah seperti cili, terung, limau kasturi, bendi dan lain-lain lagi.

Sementara itu, jenis ikan yang sesuai untuk sistem akuaponik ini adalah ikan jenis air tawar seperti tilapia merah, keli, baung, patin dan kelah.

Untuk pemakanan ikan, dedak yang mengandungi nutrisi *Crude Protein* sebanyak 32 peratus atau lebih akan digunakan.

Ikan diberi makan dua kali sehari iaitu pada sebelah pagi dan petang. Sukatan pemberian dedak pula bergantung kepada jumlah ikan yang dipelihara dan sekiranya ia tidak dihabiskan dalam masa lima minit, lebihan makanan yang terapung hendaklah dibuang.

Abdul Salam yang hanya menuai hasil tanaman untuk dinikmati keluarga atau diberikan kepada jiran-jiran menjelaskan, sebenarnya sistem akuaponik mudah dibangunkan kerana barang-barang untuk membangunkan sistem itu semuanya boleh didapati di kedai perkakasan.


"Dalam masa sama ruang yang diperlukan untuk membangunkan sistem ini juga tidak terlalu besar dan sesuai untuk perumahan yang memiliki tanah terhad.

"Kini, untuk belajar membangunkan sistem akuaponik juga cukup mudah di mana banyak platform yang menyediakan tunjuk ajar kepada mereka yang berminat," katanya.

Dalam pada itu, berbicara tentang penglibatannya dalam pertanian akuaponik, Abdul Salam yang memiliki kelulusan dalam bidang teknologi maklumat menjelaskan, dia mula membangunkan sistem akuaponik pada tahun 2018.



ABDUL SALAM memelihara ikan tilapia bagi perusahaan tanaman akuaponiknya.



BEGINILAH mekanisme sistem NFT bagi perusahaan tanaman akuaponik.



BAGI teknik gutter, tanaman diusahakan menggunakan pasu khas.

Menurutnya, dia berbuat demikian kerana tidak mahu anak-anaknya banyak menghabiskan masa dengan gadget.

"Saya membangunkan sistem ini juga adalah untuk 'terapi mata' bagi anak-anak memandangkan anak sulung saya mengalami masalah rabun yang agak tinggi. Warna hijau tumbuh-tumbuhan boleh menjadi satu terapi kepada mata.

"Hasil carian saya juga mendapati di Australia, setiap rumah mempunyai sistem akuaponik dan dari situ saya mula belajar membangunkan sistem tersebut," bicaranya.

Dia kemudian belajar

di YouTube dan bertukar-tukar fikiran dengan mereka yang mempunyai minat sama untuk membangunkan sistem akuaponik tersebut.

Abdul Salam mengambil masa hampir setahun lebih mencuba uji bagi mendapatkan sistem akuaponik yang sempurna mengikut reka bentuknya sendiri.

Kini, dia juga aktif berkongsi ilmu dengan mereka yang berminat dengan sistem akuaponik.

"Saya turut bekerjasama dengan beberapa Institusi pengajian tinggi dalam memberikan latihan tentang sistem akuaponik. Selain itu, saya juga menganjurkan kelas kepada mereka yang berminat untuk membangunkan sistem ini," terangnya.

Tambahnya, ramai yang berminat dengan sistem ini dan ada penduduk dari luar Lembah Klang yang sanggup datang ke rumahnya untuk mengikuti kelas tersebut sebelum ini.

Malah, baru-baru ada individu dari Brunel yang ingin hadir bagi mengikuti kelas yang dijanjkannya tetapi ia terpaksa dibatalkan kerana pandemik Covid-19.

Kongsi Abdul Salam, dia mempunyai perancangan untuk menghasilkan e-buku tentang sistem akuaponik pada masa hadapan untuk perkongsian kepada orang ramai.



SAYURAN yang ditanam secara akuaponik tidak memerlukan tanah untuk membesar.



RICHARD memeriksa tanaman akuaponik yang diusahakannya.

Akuaponik tidak gunakan racun perosak

DALAM mengusahakan tanaman, pelbagai jenis kaedah pertanian boleh digunakan.

Akuaponik antara kaedah pertanian yang kini semakin mendapat tempat dan diusahakan oleh ramai orang kerana ia mempunyai kelebihan yang tersendiri.

Petani akuaponik dan juga pengasas Farm2Pork, Dr. Richard Ng berkata, akuaponik merupakan kaedah pertanian tanpa tanah yang tidak menggunakan racun perosak atau baja kimia.

Menurutnya, ia bergantung pada ikan dan putaran ekosistem.

"Ini bermaksud, racun perosak dan baja kimia tidak sesuai untuk kaedah pertanian ini kerana ia akan membahayakan ikan, lalu mempengaruhi ekosistem secara negatif.

"Kaedah ini boleh dikatakan 100 peratus selamat kerana ia hanya memanfaatkan sisa akuakultur yang dihasilkan daripada pemakanan berkualiti," katanya.

Walaupun tidak menggunakan bahan kimia, hasil tanaman akuaponik dapat tumbuh dengan elok dalam masa yang singkat.

Dalam pada itu, Richard berkata, pertanian akuaponik sesuai untuk semua.

Jelasnya, ini kerana, tidak seperti pertanian tradisional, tanaman akuaponik tidak memerlukan siraman air secara konsisten serta ia tidak menggunakan tanah.

Jelasnya, bagi pertanian akuaponik, anda tidak perlu risaukan kekerapan siraman air atau keperluan tanah.

"Setelah beberapa kegagalan diharungi, saya mengenal pasti kesilapan dalam pertanian jenis ini selalunya kerana kurang pengetahuan tentang asas pertanian.

"Misalnya aspek keluasan ladang dan jumlah ikan yang diperlukan. Semua ini memainkan peranan besar dalam mengembangkan ladang akuaponik agar berjaya dan mampan," tegasnya.

Tambahnya, asalkan kita memahami sains di belakang akuaponik, perijagaannya pasti tidak akan menjadi satu masalah.

Pahit jerih usahakan belacan udang geragau

INSPIRASI NIAGA

Oleh AMRAN MULUP
utusannews@mediamulia.com.my

MELAKA: Belacan udang geragau cukup sinonim dengan Melaka terutama dalam kalangan pelancong domestik apabila berkunjung ke negeri ini.

Tidak sah apabila bertandang ke negeri yang penuh peninggalan sejarah dari zaman Portugis, Belanda dan Inggeris ini tidak membawa pulang buah tangan iaitu belacan.

Premis penjualan makanan tradisional sudah pasti akan menjual belacan tersebut kerana mendapat permintaan yang tinggi.

Dalam kehidupan seharian rakyat Malaysia, belacan banyak digunakan dalam pelbagai resipi masakan kerana menjadi bahan penambah perasa yang amat menyelerakan.

Maka, tidak hairanlah permintaannya begitu tinggi hingga wujud ramai pengusaha komersial.

Di Melaka, majoriti pengusaha masih menggunakan kaedah tradisional, kebanyakan mereka beroperasi di sekitar Klebang,



AINI Abd. Majid membuat belacan bersebelahan kedainya yang menjual pelbagai barangan makanan tradisional. - UTUSAN/AMRAN MULUP

BELACAN udang geragau yang sudah siap dijemur di kawasan terbuka.

Pantai Puteri dan Pengkalan Balak.

Kawasan tersebut menjadi tumpuan pembuatan belacan kerana pantainya dapat membekalkan udang geragau setiap kali musim menangkap tiba.

Seorang pengusaha, Aini Abd. Majid, 63, berkata, dia mula berjinak-jinak dengan in-

dustri tersebut sejak zaman remaja.

Kata Aini, resipi dan kemahiran banyak diajar oleh arwah datuk dan neneknya.

Ujarnya, membuat belacan tidak sesukar menghasilkan cencaluk, walaupun masih menggunakan kaedah tradisi.

Setelah berkahwin, jelasnya,

dia dan suami, Mohd. Yusof Isnin menjadikan belacan sebagai mata pencarian untuk menyara kehidupan keluarga.

"Saya mula menjadikan belacan sebagai mata pencarian sejak 1986 apabila suami bersara awal sebagai tentera.

"Kami berdua membuat belacan di Kampung Batang Tiga, Klebang. Bermula di tepi jalan yang akhirnya mempunyai gerai yang disewa daripada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

"Perniagaan kami sangat maju, permintaan ketika itu begitu tinggi hingga tidak menangan membuat.

"Kami mampu beli rumah, kereta dan membesarkan enam anak hingga mereka belajar ke

peringkat universiti," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Tambahnya lagi, dahulu dia mampu menghasilkan kira-kira 600 kilogram (kg) belacan sebulan berikutan mudah mendapatkan bekalan udang geragau dalam jumlah besar.

Tetapi sekarang, katanya, bekalan bahan mentah semakin terhad disebabkan penanaman Pantai Klebang dan pelbagai lagi projek pembangunan.

"Inilah masalah yang bukan sahaja saya hadapi tetapi juga rakan pengusaha lain. Bekalan udang geragau semakin sukar diperolehi.

Tetapi mujurlah saya ada pembekal tetap dan bekalan tidak terputus," ujarnya.



AINI Abd. Majid memeriksa belacan yang dijemur bagi memastikan keadaan baik. - UTUSAN/AMRAN MULUP

Maritime op grad reaps rich harvest with cucumber farming

KOTA BARU

MOHAMAD Zulfazli Mohamad Arifin, 28, is reaping a lucrative income from growing cucumbers.

He ventured into cucumber farming in 2018, cultivating 1,000 baby cucumber plants through fertigation on 0.3ha of land in Kampung Kubang Palas, Banggu, here.

At that time, he had left his job as a logistics employee in a company in Singapore and couldn't find a job in Malaysia.

"I was drawn to farming by the success of a schoolmate, Mohd Fadir Fuzai, who was getting tens of thousands of ringgit growing cucumbers. I planted the crop myself with my savings of RM15,000."

Zulfazli, who is a Bachelor of Maritime Operation Management graduate of Universiti Malaysia Terengganu, said the venture paid off with an initial income of RM20,000.

"The cucumbers were sold for RM2 to RM3 per kg."

He started growing other crops, such as *petola* (luffa gourd), chilli and bitter melon by seeking guidance from farmers, as well as attending courses offered by the Agriculture Department.

The second of six siblings said he could harvest as much as 400kg of cucumbers daily, assisted by 10 workers.

"*Athamduhillah* (Praise be to God), my farm is growing. The farm size has increased to more than 2.2ha, some of which



Mohamad Zulfazli Mohamad Arifin showing the cucumbers harvested at his farm in Kampung Kubang Palas, Kelantan. BERNAMA PIC

is leased from locals for RM300 to RM700 annually."

He said sales had been affected due to the Covid-19 pandemic, but he managed to market the crop outside Kelantan, especially at the Selayang Market and Klang in Selangor, while also producing snacks for sale.

"My wife, Aina Fatini Md Rizan, 24, produces *sambal blits* and fried bitter melon for sale. I also plan to make pickled cucumbers to prevent dumping of excess harvest." **Bernama**



Siti Nik Sahira Abdullah at her home-based nursery in Kampung Merangkap, Pasir Puteh, Kelantan, recently. BERNAMA PIC

Grad declines job offer, opens nursery

PASIR PUTEH: A graduate of University College of Agrosience Malaysia has no regrets turning down a fixed-income job offer, for she is now a nursery owner.

Siti Nik Sahira Abdullah, 26, who graduated with a degree in agriculture, said prior to her graduation, she did practical training and worked part time with a company involved in strawberry farming in Cameron Highlands, Pahang.

After completing her training, she said, the company offered her a permanent job with a salary of RM3,000 a month, but she turned it down and returned to her home-

town in Kampung Merangkap here due to the Movement Control Order.

"After almost a year being unemployed, two months ago I decided to use the knowledge and experience I gained with the company to open a nursery."

"With RM500 from my savings, I opened my own plant nursery in the compound of my house by producing seedlings for short-term crops, such as chilli, eggplant, cucumber and also flower plants, as well as fertiliser and pesticides."

"I sell between RM50 and RM100 of my products every day." **Bernama**